



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
24 OGOS 2022

DASAR CUKAI JUALAN BIL.2/2022

FASILITASI AKTIVITI *DROPSHIPMENT* DI BAWAH PERUNDANGAN CUKAI JUALAN

1. Pengilang berdaftar yang mengeksport barang siap bercukai yang dihasilkan atau dikilangkan adalah dikecualikan daripada pembayaran cukai jualan di bawah Butiran 56, Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.
2. Pengilang berdaftar tersebut juga boleh mengeksport barang siapnya yang dijual kepada *trader* (pedagang) di Malaysia dan barang siap itu adalah dikecualikan daripada pembayaran cukai jualan di bawah butiran tersebut. Situasi ini berlaku apabila pedagang menerima *purchase order* (pesanan belian) daripada pelanggannya di luar Malaysia. Pedagang itu kemudiannya membuat pembelian daripada pengilang berdaftar dan mengarahkan pengilang berdaftar tersebut mengeksport terus bagi pihaknya barang siap yang dibeli kepada pelanggannya di luar Malaysia dari premis pengilang berdaftar tersebut.
3. Dalam hal ini, pengilang berdaftar hendaklah mengeluarkan invois jualan kepada pedagang tanpa mengenakan cukai jualan. Butiran invois perlu memenuhi Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018 dengan menyatakan *bil to-* dan *ship to-*.
4. Barang siap yang dieksport oleh pengilang berdaftar bagi pihak pedagang yang layak dikecualikan cukai jualan adalah melibatkan hanya satu peringkat pedagang sahaja, iaitu pedagang yang membeli barang siap daripada pengilang berdaftar sahaja dan tidak melibatkan pedagang lain yang membeli daripada pedagang itu.
5. Kaedah pengikraran eksport untuk menunjukkan barang siap itu dieksport ialah dengan menyatakan nama pengilang berdaftar sebagai konsainor (pengeksport) di dalam ruangan konsainor, manakala nama pelanggan di luar Malaysia sebagai konsaini (pengimport) di dalam ruangan konsaini dalam Borang Kastam No. 2 (K2). Selain itu, klausa *care of* (bagi pihak) pedagang (nama penuh pedagang dan alamat) hendaklah dinyatakan di tepi sebelah kiri dalam borang K2 berhampiran dengan ruangan untuk *forwarding agent* (Agen Kastam).
6. *Bil of Lading (BL)* hendaklah dinyatakan seperti dalam borang K2 iaitu konsinor adalah di atas nama pengilang berdaftar, manakala konsaini adalah di atas nama pelanggan di luar Malaysia. Selain itu, dalam *BL* hendaklah juga dinyatakan *notify party* (untuk makluman pihak yang berkaitan) kepada pedagang.
7. Pengilang berdaftar hendaklah mengikrar nilai jualan barang siap yang dieksport bagi pihak pedagang di **ruang 18 (a) – eksport / kawasan khas / kawasan ditetapkan** di dalam **Borang SST-02**.